

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana mekanisme Kempen Pemilikan Rumah (HOC) kepada pembeli warga asing dilaksanakan di mana cadangan ini melibatkan 3 Kementerian iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Kementerian Dalam Negeri:-

- (a) adakah HOC kepada pembeli warga asing akan berintegrasi dengan Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H); dan
- (b) apakah langkah atau polisi Kementerian dalam membanteras pembeli warga asing supaya tidak menimbulkan spekulasi pasaran dengan mengaut keuntungan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN (A)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana kenyataan media Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertarikh 12 September 2019, cadangan Kempen Ekspo Perumahan di luar negara dilaksanakan melalui Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) dan bukanlah kempen Pemilikan Rumah (*Home Ownership Campaign - HOC*).
2. Kerajaan tidak berhasrat untuk mengintegrasikan program HOC dan MM2H kerana kedua-dua program berkenaan mempunyai tujuan dan kumpulan sasaran yang berbeza iaitu:
 - (a) HOC merupakan program yang diperuntukkan kepada rakyat Malaysia sahaja bagi memiliki kediaman dengan insentif yang diberikan oleh Kerajaan dan diskaun daripada pihak pemaju.
 - (b) Manakala MM2H merupakan satu inisiatif Kerajaan Malaysia untuk menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi serta memenuhi syarat untuk menetap dan merancakkan ekonomi di Malaysia melalui subsektor pelaburan, hartanah, pendidikan, perubatan, dan automobil. Warga asing yang berjaya menyertai Program MM2H akan diberikan Pas Lawatan Sosial dengan Visa Masuk Berulang Kali untuk tempoh 10 tahun dan boleh diperbaharui.

JAWAPAN (B)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi (kini dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Ekonomi - MEA) telah mengeluarkan Garis Panduan Perolehan Hartanah berkuat kuasa 1 Mac 2014. Melalui garis panduan ini, warga asing tidak dibenarkan untuk memiliki hartanah bernilai RM1 juta ke bawah. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri turut mempunyai dasar pemilikan hartanah warga asing bagi memastikan pihak pemaju tidak sewenang-wenangnya membina rumah mewah yang bertujuan untuk dijual kepada warga asing tanpa kawalan sehingga menimbulkan spekulasi pasaran harga rumah.

2. Berdasarkan transaksi jual beli hartanah kediaman yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), jumlah pemilikan rumah oleh warga asing adalah amat rendah iaitu 398 orang (0.4%) berbanding pemilikan rumah oleh rakyat Malaysia iaitu 99,524 orang (99.6%) bagi tempoh Januari - Jun 2019. Secara keseluruhan, transaksi ini menunjukkan pasaran harta tanah kediaman bagi warga asing masih terkawal.

Sekian, terima kasih.